

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan laporan keganasan rumahtangga dan jenayah penderaan terhadap kanak-kanak dan penderaan seksual yang dibuat di Pejabat Jabatan Kebajikan Daerah di negeri Pulau Pinang dari tahun 2000 hingga 2017 mengikut pecahan daerah dan pecahan kaum.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga dan penderaan ke atas kanak-kanak yang berlaku di negara ini.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak **1,308** kes keganasan rumah tangga dari tahun 2008 sehingga 2017 (Jan dan Feb) telah dilaporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang berdasarkan kepada lima daerah iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Timur Laut dan Barat Daya. Pecahan kes mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun 2008	-	126 kes
Tahun 2009	-	82 kes
Tahun 2010	-	82 kes

Tahun 2011	-	176 kes
Tahun 2012	-	80 kes
Tahun 2013	-	144 kes
Tahun 2014	-	214 kes
Tahun 2015	-	140 kes
Tahun 2016	-	234 kes
Tahun 2017	-	30 kes
Jumlah	-	1,308 kes

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak **2,183** kes penderaan ke atas kanak-kanak dari tahun 2005 sehingga 2016 telah dilaporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang. Pecahan kes adalah seperti berikut:

Tahun 2005	-	147 kes
Tahun 2006	-	189 kes
Tahun 2007	-	183 kes
Tahun 2008	-	177 kes
Tahun 2009	-	192 kes
Tahun 2010	-	79 kes

Tahun 2011	-	222 kes
Tahun 2012	-	187 kes
Tahun 2013	-	194 kes
Tahun 2014	-	183 kes
Tahun 2015	-	183 kes
Tahun 2016	-	247 kes
Jumlah	-	2,183 kes